



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

LAWATAN TURUN PADANG YAB DATO' SERI DR WAN AZIZAH KE PLPP BANGI

SEPANG, 28 Julai – Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengadakan kunjungan sulung beliau ke Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihan (PLPP) Bangi, sebuah institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang memberikan perkhidmatan kepada orang kurang upaya (OKU) anggota melalui latihan vokasional serta pemulihan perubatan pada hari ini.

Antara objektif PLPP adalah memberikan perkhidmatan kepada OKU dalam bidang vokasional dan pemulihan perubatan; serta mengembalikan kemahiran berdikari yang hilang akibat kemalangan. Hal ini merupakan langkah awal untuk pemulihan bagi mengelakkan kemudaratan. Selain itu, PLPP adalah tempat rujukan serta sumber latihan penuntut perubatan, jurupulih, juruteknik prostetik dan ortotik dan lain-lain. PLPP turut berperanan sebagai pusat rujukan untuk menjalankan kajian berkaitan OKU.

Situasi ini akan memastikan advokasi yang berterusan daripada pihak Kementerian untuk menempatkan OKU di institusi bagi mendapatkan segala kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan. OKU yang mampu berdikari akan menjadi penyumbang kepada pembangunan

ekonomi negara. Perkara yang paling penting adalah OKU mestilah mempunyai semangat dan motivasi diri yang tinggi agar dapat memajukan diri serta berdaya saing.

Institusi mesra OKU yang baik seharusnya mempunyai dasar atau pernyataan khusus tentang pendidikan kepada OKU untuk memudahkan kehidupan dan proses pembelajaran mereka. Selain itu, reka bentuk berkonsepkan sejagat (*Universal Design*) seperti kemudahan lif, ram, tandas OKU, dan lain-lain dapat memudahkan pergerakan. Alat sokongan dan bantuan seperti peralatan prostetik dan ortotik, komputer yang diubahsuai, meja yang boleh diselaras, mikrofon dan alat pendengaran, serta lampu automatik dapat menjadikan proses pembelajaran mereka lebih mudah dan selesa. OKU yang berdikari bermula dengan peluang pendidikan yang disediakan kepada mereka.

Di samping memberikan latihan kepada OKU, PLPP juga merupakan pusat penghasilan dan pengumpulan produk-produk klien Jabatan Kebajikan Masyarakat yang dikenali sebagai ProWell Centre. ProWell adalah jenama bagi produk-produk yang dihasilkan oleh Orang Kurang Upaya (OKU) iaitu pelatih dari Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), penghuni institusi-institusi kebajikan, penerima bantuan skim geran pelancaran di bawah JKM, dan produk hasil inovasi JKM. Pihak JKM juga menjalin perkongsian pintar dengan pelbagai badan-badan korporat dan badan kerajaan dalam mempromosi dan memasarkan produk-produk ProWell.

Sempena dengan lawatan hari ini, YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah telah merasmikan ProWell Centre di mana produk-produk hasil klien JKM dipamerkan. Antara produk-produk yang telah dihasilkan adalah alat prostetik dan ortotik, kerusi roda, kraftangan dan lain-lain. PLPP telah membuktikan kecemerlangan melalui produk inovasi JKM iaitu Kerusi Roda F1 yang telah

menerima Gold Medal dan Hadiah Khas Juri di International Exhibition of Inventions di Geneva awal tahun ini.

Program Lawatan Turun Padang YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail ke PLPP ini dimulakan dengan perasmian Abilimpik 2018. Abilimpik yang dianjurkan sekali setiap empat tahun merupakan satu pertandingan kemahiran pekerjaan dan vokasional yang direka khusus untuk golongan OKU; dan konsepnya adalah sama seperti 'skills competition' yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber Manusia untuk pekerja biasa.

Turut serta dalam program Lawatan Turun Padang ini adalah Yang Berhormat Dr. Siti Mariah binti Mahmud, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita Dan Keluarga; Yang Berbahagia Datuk Rose Lena binti Lazemi, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat; Yang Berusaha Tuan Haji Mohd. Fazari bin Mohd. Salleh, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat; barisan pemimpin tempatan Persekutuan dan Negeri Selangor; pegawai pegawai kanan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat; pegawai-pegawai kanan Jabatan Kebajikan Masyarakat; serta rakan-rakan media.

Dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam
Jabatan Kebajikan Masyarakat